

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 7/9/2013

Muka surat: 4

Tajuk : Kekurangan Diri Tidak Halang Lanjut Pengajian.

Kekurangan diri tidak halang lanjut pengajian

KOTA SAMARAHAN:

Demi mencapai cita-cita menjadi seorang yang berjaya, dua pelajar baharu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sanggup mengetepikan kekurangan diri untuk meneruskan pengajian di peringkat lebih tinggi.

Mereka ialah Teo Suat Nie, 21, dari Johor yang buta sejak berusia enam tahun dan Nur Azman Junaini, 20, dari Taman Sukma, Petra Jaya yang lumpuh di bahagian kaki dan hilang kaki kanan akibat kemalangan jalan raya awal tahun ini.

Teo yang bercita-cita menjadi seorang pensyarah kini melanjutkan pengajian Sarjana Muda Pengurusan Korporat dalam Fakulti Ekonomi dan Perniagaan bagi ambilan September 2013/2014 di UNIMAS.

"Saya berasa amat gembira kerana diberi peluang untuk melanjutkan pengajian di UNIMAS, malah ramai rakan baharu membantu saya di sini dalam urusan harian."

"Malah, saya tidak mengalami masalah tentang bahan pelajaran kerana saya menggunakan komputer riba yang mempunyai aplikasi khas selain kemudahan tempat tinggal dan bahan pelajaran yang lengkap di sini," katanya ketika ditemui semalam.

Dia yang merupakan anak bongsu daripada tiga adik-beradik berkata, ini merupakan kali pertama dia datang ke Sarawak dan berjauhan dari keluarga.

Namun, dia tetap bersempangat dan nekad meneruskan pengajian meskipun berjauhan dari keluarga untuk mencapai cita-citanya itu.

Sementara itu, Azman yang mengambil jurusan Sarjana Muda Sains Komputer ber-



TEO



AZMAN

kata, UNIMAS mempunyai kemudahan dan bangunan yang mesra kepada golongan kelainan upaya (OKU).

"Saya tidak patah semangat walaupun terdapat kekurangan pada diri akibat kemalangan yang berlaku kepada saya awal tahun ini."

"Saya berasa amat beruntung kerana dapat melanjutkan pengajian di sini dan UNIMAS mempunyai bangunan dan kemudahan yang mesra OKU seperti saya," katanya.

Justeru, dia berharap pelajar yang juga mengalami nasib yang sama tidak patah semangat untuk meneruskan pelajaran demi masa depan diri dan keluarga.